

D.R. 52/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan untuk memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan dan Penyatuan) 1996.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh atau tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

BAB II**PINDAAN AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993**

Pindaan
seksyen 15.
Akta 498

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 adalah dipinda dengan memotong subseksyen 15(2).

BAB III**PINDAAN AKTA PERINDUSTRIAN NIAGA
HADAPAN 1993**

Pindaan
seksyen 2.
Akta 499.

3. Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dengan memotong takrif "kontrak niaga hadapan komoditi";
- (b) dengan menggantikan takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

' "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan", berhubungan dengan seseorang, ertinya sesuatu perniagaan yang menawarkan kepada mana-mana orang supaya memohon beli atau mempelawa mana-mana orang untuk memohon beli—

- (a) kepentingan yang baginya Penggal 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965 terpakai jika apa-apa wang yang dibayar itu diniatkan untuk digunakan berhubungan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan; atau
- (b) kepentingan yang memberikan hak kepada orang itu untuk turut serta sebagai benefisiari

di bawah sesuatu amanah dalam keuntungan atau pendapatan yang terdiri daripada atau termasuk keuntungan atau pendapatan yang berbangkit daripada perdagangan dalam kontrak niaga hadapan,

tetapi tidak termasuk sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang—

- (aa) semasa diambil kerja oleh, atau bertindak bagi, atau melalui perkiraan dengan, orang lain;
 - (bb) sebagai pekerja atau ejen, atau selainnya bagi pihak, disebabkan oleh, atau bagi manfaat, orang lain itu; dan
 - (cc) berkaitan dengan sesuatu perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan yang dijalankan oleh orang lain itu; dan
- (c) dalam takrif "suratcara", dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "termasuk" perkataan "sesuatu komoditi, atau".

4. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 6.

"(1B) Jika—

- (a) kaedah-kaedah perniagaan yang dicadangkan atau pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada kaedah-kaedah perniagaan yang sedia ada melibatkan pengenalan sesuatu kelas kontrak niaga hadapan, yang suratcara berkenaan dengannya adalah merupakan suatu komoditi, yang akan ditawarkan untuk diniagakan di pasaran niaga hadapan syarikat bursa; dan

- (b) Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan komoditi itu ialah Menteri yang pada masa itu dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perusahaan utama,

Suruhanjaya hendaklah berunding dengan Menteri itu sebelum memberitahukan keputusannya kepada syarikat bursa itu di bawah subseksyen (2).".

Pindaan
seksyen 17.

- 5.** Subseksyen 17(5) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau (2)".

Bahagian
baru
IIIA.

- 6.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IIIA

PERJANJIAN DENGAN ORANG TAK BERLESEN

- Tafsiran. 35A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"klien" ertinya seseorang yang membuat suatu perjanjian dengan orang tak berlesen dalam hal keadaan yang disebut dalam seksyen 35B, 35c atau 35D, mengikut kehendak keadaan, tetapi tidak termasuk seseorang klien yang dikecualikan;

"klien yang dikecualikan" ertinya—

- (a) broker niaga hadapan;
- (b) pengurus kumpulan wang niaga hadapan;
- (c) penasihat perdagangan niaga hadapan;
atau
- (d) seorang daripada dua orang atau lebih yang bersama-sama menjadi broker niaga hadapan, pengurus kumpulan wang niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan,

dan termasuklah seseorang yang merupakan sekutu bagi seorang lain jika orang itu mengetahui, atau semunasabahnya patut mengetahui, bahawa orang lain itu ialah seorang orang tak berlesen;

"orang tak berlesen" ertinya—

- (a) berhubungan dengan seksyen 35B, seseorang yang tidak memegang lesen broker niaga hadapan;
- (b) berhubungan dengan seksyen 35c, seseorang yang tidak memegang lesen broker niaga hadapan atau lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan;
- (c) berhubungan dengan seksyen 35D, seseorang yang tidak memegang lesen broker niaga hadapan, lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan atau lesen penasihat perdagangan niaga hadapan; dan
- (d) berhubungan dengan peruntukan lain Bahagian ini, seseorang yang tidak memegang mana-mana lesen yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c).

Perjanjian mengenai suatu perdagangan yang melanggar seksyen 16

35B. Jika—

- (a) seseorang orang tak berlesen dan seseorang klien membuat suatu perjanjian yang berhubungan dengan perdagangan, atau perdagangan yang dicadangkan, dalam kontrak niaga hadapan oleh orang tak berlesen itu bagi pihak klien itu; dan
- (b) perdagangan atau perdagangan yang dicadangkan itu melibatkan pelanggaran seksyen 16,

Bahagian ini terpakai sama ada atau tidak mana-mana orang lain menjadi pihak kepada perjanjian itu.

Perjanjian dengan seseorang yang bertindak dengan melanggar seksyen 16A

35c. Jika, dalam sesuatu tempoh semasa seseorang orang tak berlesen menjalankan perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan atau mengemukakan dirinya sebagai pengurus kumpulan wang niaga hadapan, orang tak berlesen itu dan seseorang klien membuat suatu perjanjian berhubungan dengan tawaran atau pelawaan daripada jenis yang disebut dalam takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan", Bahagian ini terpakai sama ada atau tidak mana-mana orang lain menjadi pihak kepada perjanjian itu.

Perjanjian dengan seseorang yang bertindak dengan melanggar seksyen 17.

35d. Jika, dalam sesuatu tempoh semasa seseorang orang tak berlesen menjalankan perniagaan nasihat niaga hadapan atau mengemukakan dirinya sebagai penasihat perdagangan niaga hadapan, orang tak berlesen itu dan seseorang klien membuat suatu perjanjian berhubungan dengan pemberian nasihat kepada klien itu mengenai kontrak niaga hadapan atau memberi klien itu laporan niaga hadapan, Bahagian ini terpakai sama ada atau tidak mana-mana orang lain menjadi pihak kepada perjanjian itu.

Klien boleh memberikan notis pembatalan.

35E. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, seseorang klien boleh, sama ada sebelum atau selepas penyempurnaan perjanjian yang disebut dalam seksyen 35B, 35c atau 35D, memberikan notis bertulis kepada orang tak berlesen yang menyatakan bahawa klien itu ingin membatalkan perjanjian itu.

(2) Klien itu hanya boleh memberikan notis di bawah seksyen ini dalam tempoh yang munasabah selepas menyedari hakikat yang memberikan hak kepada klien itu untuk memberikan notis.

(3) Klien itu tidaklah berhak memberikan notis di bawah seksyen ini jika klien itu melakukan perbuatan yang disebabkan klien itu boleh, jika hak untuk memberikan notis sedemikian adalah hak untuk membatalkan perjanjian itu kerana salah nyata oleh orang tak berlesen itu, dianggap telah mengesahkan perjanjian itu.

(4) Klien itu tidaklah berhak untuk memberikan notis di bawah seksyen ini jika, dalam tempoh yang munasabah sebelum perjanjian itu dibuat, orang tak berlesen itu memberitahu klien itu (sama ada secara bertulis atau tidak) bahawa—

- (a) orang tak berlesen itu tidak memegang lesen broker niaga hadapan;
- (b) orang tak berlesen itu tidak memegang lesen broker niaga hadapan atau lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan; atau
- (c) orang tak berlesen itu tidak memegang lesen broker niaga hadapan, atau lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan atau lesen penasihat perdagangan niaga hadapan,

mengikut kehendak keadaan.

(5) Jika, pada sesuatu masa semasa lesen broker niaga hadapan, lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan atau lesen penasihat perdagangan niaga hadapan yang dipegang oleh orang tak berlesen itu digantung, orang tak berlesen itu memberitahu klien itu bahawa lesen itu telah digantung, orang tak berlesen itu bolehlah dikira bagi maksud subseksyen (4) sebagai telah memberitahu klien itu pada masa itu bahawa orang tak berlesen itu tidak memegang lesen sebagaimana yang disebut dalam perenggan (4)(a), 4(b) atau 4(c).

Kesan
notis di
bawah
seksyen
35E.

35F. (1) Sesuatu notis yang diberikan di bawah seksyen 35E membatalkan perjanjian itu melainkan jika pembatalan perjanjian itu akan menjejaskan sesuatu hak yang diperolehi oleh seseorang (selain daripada orang tak berlesen itu) secara suci hati, dengan balasan berharga dan tanpa notis tentang hakikat yang memberikan hak kepada klien itu untuk memberikan notis sedemikian.

(2) Ketakbatalan perjanjian itu tidak menyentuh hak seseorang klien untuk memberikan notis di bawah-seksyen 35E.

Klien boleh
memohon
kepada
mahkamah
untuk
pengubahan
perjanjian

35G. (1) Jika klien memberikan notis di bawah seksyen 35E tetapi notis itu tidak membatalkan perjanjian itu kerana pembatalan perjanjian itu akan menjejaskan hak yang disebut dalam seksyen 35F, klien itu boleh, dalam suatu tempoh yang munasabah selepas memberikan notis itu, memohon kepada mahkamah bagi suatu perintah di bawah subseksyen (3).

(2) Jika sesuatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh, tanpa menjejaskan apa-apa kuasa yang ada padanya selain daripada di bawah seksyen ini, membuat apa-apa perintah yang dinyatakan sebagai mempunyai kuatkuasa sehingga pemutusan permohonan itu sebagaimana yang mahkamah itu mempunyai kuasa untuk membuatnya sekiranya notis itu telah membatalkan perjanjian di bawah seksyen 35F dan permohonan itu adalah bagi perintah di bawah seksyen 35H.

(3) Atas sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh membuat suatu perintah—

(a) yang mengubah perjanjian itu sedemikian rupa sehingga meletakkan klien itu dalam kedudukan yang sama, seberapa hampir

yang dapat dilakukan tanpa menjejaskan hak yang disebut dalam seksyen 35F yang diperolehi sebelum perintah itu dibuat, seolah-oleh perjanjian itu telah tidak dibuat; dan

(b) yang mengisytiharkan perjanjian itu mempunyai kuatkuasa sebagaimana yang telah diubah sedemikian, pada dan selepas masa perjanjian itu telah dibuat pada asalnya.

(4) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3), perjanjian itu hendaklah dikira bagi maksud seksyen 35H sebagai telah dibatalkan di bawah seksyen 35F.

(5) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (3) tidak menyentuh pemakaian seksyen 35J atau 35L berhubungan dengan perjanjian itu sebagaimana yang dibuat pada asalnya atau sebagaimana yang diubah oleh perintah itu.

Mahkamah
boleh
membuat
perintah
berbangkit

35H. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu mahkamah boleh, atas permohonan klien atau orang tak berlesen itu, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang mahkamah itu mempunyai kuasa untuk membuatnya sekiranya klien itu telah membatalkan perjanjian itu dengan sewajarnya kerana salah nyata oleh orang tak berlesen itu.

(2) Mahkamah tidak diberi kuasa untuk membuat perintah di bawah subseksyen (1) jika perintah itu akan menjejaskan sesuatu hak yang diperolehi oleh seseorang (selain daripada orang tak berlesen itu) secara suci hati, dengan balasan berharga dan tanpa notis tentang hakikat yang memberikan hak kepada klien itu untuk memberikan notis itu.

Perjanjian yang tak boleh dikuatkuasakan terhadap klien

35I. (1) Seksyen ini terpakai—

(a) jika—

(i) klien berhak memberikan notis di bawah seksyen 35E; dan

(ii) sesuatu notis yang diberikan sedemikian akan mengakibatkan pembatalan perjanjian di bawah seksyen 35E; dan

(b) selepas perjanjian itu dibatalkan di bawah seksyen 35F,

tetapi tidak selainnya terpakai.

(2) Orang tak berlesen tidak berhak, terhadap klien—

(a) untuk menguatkuasakan perjanjian itu, sama ada secara langsung atau tak langsung; atau

(b) untuk bergantung pada perjanjian itu, sama ada secara langsung atau tak langsung dan sama ada sebagai pembelaan atau selainnya.

Orang tak berlesen tidak berhak mendapat kenibali komisen.

35J. (1) Tanpa menghadkan keluasan seksyen 35I. seksyen ini terpakai—

(a) jika klien berhak memberikan notis di bawah seksyen 35E; dan

(b) selepas klien itu memberikan notis sedemikian walaupun notis itu tidak mengakibatkan pembatalan perjanjian di bawah seksyen 35F,

tetapi tidak selainnya terpakai.

(2) Orang tak berlesen tidak berhak untuk mendapat kembali melalui apa-apa cara, termasuk tolakan atau tuntutan berdasarkan *quantum meruit*, apa-apa caj pembrokeran, komisen atau fee lain yang baginya klien akan, jika tidak kerana seksyen ini, bertanggung kepada orang tak berlesen itu di bawah atau berkaitan dengan perjanjian itu.

Beban membuktikan ketak-pakaian seksyen 35I atau 35J.

35K. Bagi maksud menentukan, dalam sesuatu presiding di mahkamah, sama ada atau tidak orang tak berlesen adalah, atau telah pada suatu masa yang tertentu, berhak sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 35I(2) atau 35J(2), adalah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa seksyen 35I atau 35J, mengikut mana-mana yang berkenaan, terpakai, atau telah terpakai pada masa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Klien boleh mendapatkan kembali komisen yang dibayar kepada orang tak berlesen.

35L. (1) Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 35H, jika klien memberikan notis di bawah seksyen 35E, klien itu boleh, walaupun notis itu tidak mengakibatkan pembatalan perjanjian itu di bawah seksyen 35F, mendapatkan kembali daripada orang tak berlesen sebagai suatu hutang amaun apa-apa caj pembrokeran, komisen atau fee lain yang telah dibayar oleh klien itu kepada orang tak berlesen di bawah atau berkaitan dengan perjanjian itu.

(2) Suruhanjaya boleh, jika dianggapnya bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, membawa tindakan di bawah subseksyen (1) atas nama, dan bagi manfaat, klien itu.

Remedi di bawah Bahagian ini tambahan kepada remedi lain.

35M. Hak dan remedi klien di bawah Bahagian ini adalah tambahan kepada, dan tidak menyentuh serta tidak menjejaskan keluasan, apa-apa hak atau remedi lain klien itu."

Seksyen baru
48A.

7. Bahagian V Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 49 seksyen yang berikut:

" Pengik-
lanan
yang tak
diingini.

48A. (1) Dalam seksyen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"menerbitkan", berhubungan dengan sesuatu pernyataan, ertinya—

- (a) memasukkan pernyataan itu ke dalam akhbar atau terbitan berkala atau menyebabkannya dimasukkan sedemikian;
- (b) mempamerkan di khalayak ramai pernyataan itu atau menyebabkannya dipamerkan di khalayak ramai; atau
- (c) menyertakan pernyataan itu, atau menyebabkannya disertakan, dalam suatu dokumen yang, sama ada sebagai respons kepada sesuatu permintaan atau tidak, dihantar atau dihantarserahkan kepada seseorang, atau dilemparkan atau ditinggalkan di premis yang didiami oleh mana-mana orang;

"menyiarkan", berhubungan dengan sesuatu pernyataan, ertinya menyiarkan pernyataan itu melalui pemancaran wayarles atau televisyen atau menyebabkannya disiarkan sedemikian.

(2) Jika Suruhanjaya menimbangkan bahawa, setelah mengambil kira cara pengendalian yang telah dilakukan, sedang dilakukan atau dicadangkan akan dilakukan, oleh seseorang, adalah demi kepentingan awam untuk Suruhanjaya berbuat demikian, Suruhanjaya boleh, melalui perintah bertulis yang diberikan kepada orang itu, melarang orang itu daripada menerbitkan atau menyiarkan pernyataan tentang—

- (a) kontrak niaga hadapan;

- (b) perniagaan yang dijalankan, atau dicadangkan dijalankan, oleh orang-orang dan yang melibatkan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan bagi pihak orang lain;
- (c) perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan atau perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan yang dicadangkan; atau
- (d) perniagaan nasihat niaga hadapan atau perniagaan nasihat niaga hadapan yang dicadangkan,

melainkan jika bentuk dan kandungan pernyataan itu telah diluluskan oleh Suruhanjaya.

(3) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (2) tidak boleh dibuat melainkan jika Suruhanjaya telah terlebih dahulu memberi orang yang berhubungan dengannya Suruhanjaya bercadang untuk membuat perintah itu suatu peluang untuk hadir pada suatu pendengaran di hadapan Suruhanjaya dan membuat penghujahan dan memberikan keterangan kepada Suruhanjaya berhubungan dengan perkara itu.

(4) Seseorang yang terhadapnya suatu perintah di bawah subseksyen (2) terpakai yang tidak mematuhi perintah itu melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini, jika sesuatu pernyataan diterbitkan atau disiarkan dan ada juga diterbitkan atau disiarkan berhubungan dengan pernyataan itu—

- (a) nama atau alamat seseorang;
- (b) nombor telefon, teleks atau faksimile seseorang; atau
- (c) nombor peti surat atau nombor peti penghantarserahan lain seseorang,

adalah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa pernyataan itu telah diterbitkan atau disiarkan oleh orang itu."

Pindaan
seksyen 52

8. Subseksyen 52 (1) Akta ibu adalah dipinda dalam takrif "menyelesaikan" dengan menggantikan perkataan "komoditi" dengan perkataan "suratcara".

Seksyen
baru 55A.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 55 seksyen yang berikut:

"Kedudukan yang kena dilaporkan. 55A. (1) Suruhanjaya boleh menentukan atau mengubah melalui notis bertulis saiz agregat kedudukan panjang atau kedudukan pendek, atau mana-mana kombinasi kedudukan panjang atau kedudukan pendek, berhubungan dengan sesuatu kelas atau kelas-kelas kontrak niaga hadapan yang—

- (a) boleh diambil oleh seseorang; atau
- (b) boleh diambil oleh seseorang dan mana-mana sekutunya,

dan yang jika dilampaui, orang itu atau orang itu dan sekutunya hendaklah melaporkan butir-butir kedudukannya kepada Suruhanjaya mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan.

(2) Seseorang melanggar seksyen ini—

- (a) jika dia mengambil suatu kedudukan panjang atau kedudukan pendek yang kesannya ialah saiz yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) dilampaui; dan
- (b) jika dia tidak melaporkan butir-butir kedudukan yang diambil olehnya, atau olehnya dan mana-mana sekutunya, mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan."

10. Seksyen 102 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 102.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dan (1A) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Seseorang broker niaga hadapan tidak boleh berdagang dalam kontrak niaga hadapan di mana-mana pasaran niaga hadapan di luar Malaysia melainkan jika —

- (a) pasaran niaga hadapan itu adalah pasaran niaga hadapan sesuatu Bursa Ditenlukan; dan
- (b) kontrak niaga hadapan itu adalah daripada suatu kelas kontrak niaga hadapan yang diluluskan.";

(1A) Menteri boleh menetapkan—

- (a) mana-mana pasaran niaga hadapan sebagai suatu Bursa Ditetapkan; dan
- (b) mana-mana kelas kontrak niaga hadapan pasaran niaga hadapan sesuatu Bursa Ditetapkan sebagai suatu kelas kontrak niaga hadapan yang diluluskan.";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

"(1B) Jika—

- (a) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu keadaan wujud yang, pada pendapat Suruhanjaya, berkemungkinan menjejaskan pengendalian sempurna pasaran niaga hadapan mana-mana Bursa Ditetapkan atau menyebabkan gangguan kepada dagangan teratur kontrak niaga hadapan di pasaran niaga hadapan sedemikian;

- (b) adalah ditunjukkan bahawa seseorang broker niaga hadapan atau mana-mana pekerja, pengarah atau wakilnya telah bertindak dengan apa-apa cara, berhubungan dengan pengendalian—
- (i) mana-mana pasaran niaga hadapan sesuatu syarikat bursa atau yang berkenaan dengannya suatu pusat penjelasan mengadakan kemudahan-kemudahan pusat penjelasan; atau
 - (ii) mana-mana pasaran niaga hadapan sesuatu Bursa Ditetapkan,
yang berkemungkinan memudaratkan kepentingan awam;
- (c) seseorang broker niaga hadapan telah melanggar—
- (i) Akta ini;
 - (ii) kaedah-kaedah perniagaan sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan yang baginya broker niaga hadapan itu menjadi gabungan; atau
 - (iii) mana-mana syarat yang terpakai berkenaan dengan lesennya; atau
- (d) hal-hal keadaan yang ditetapkan yang lain yang wujud berkenaan dengan seseorang broker niaga hadapan,

Suruhanjaya boleh mengarahkan—

- (aa) supaya broker niaga hadapan itu berhenti daripada berdagang dalam kontrak niaga hadapan, atau dalam mana-mana kelas kontrak niaga hadapan, di pasaran niaga hadapan mana-mana Bursa Ditetapkan; atau

(bb) supaya perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, atau dalam mana-mana kelas kontrak niaga hadapan, oleh broker niaga hadapan itu di pasaran niaga hadapan mana-mana Bursa Ditentukan, dihadkan kepada penutupan kontrak niaga hadapan."; dan

(c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1B)".

11. Teks bahasa Inggeris subseksyen 105(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "futures brokers licence" dengan perkataan "futures broker's licence". Pindaan seksyen 105.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 108. Pemotongan seksyen 108

BAB IV

PEMANSUHAN AKTA DAGANGAN KOMODITI 1985 DAN PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

13. Dalam Bab ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Akta ibu" ertinya Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993; Akta 499.

"berdagang" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta ibu;

"gabungan" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta ibu;

"kontrak niaga hadapan" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta ibu;

"Menteri" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta ibu;

"pasaran niaga hadapan" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta ibu;

Akta 324. "Pesuruhjaya" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Dagangan Komoditi 1985;

"Suruhanjaya Dagangan Komoditi" ertinya Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang ditubuhkan oleh Akta Dagangan Komoditi 1985;

Akta 498. "Suruhanjaya Sekuriti" ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;

"tarikh mula berkuatkuasa", apabila digunakan dalam sesuatu peruntukan dalam Bab ini, ertinya tarikh peruntukan itu mula berkuatkuasa.

Pemansuhan dan pembatalan. Akta 324. **14.** (1) Akta Dagangan Komoditi 1985, yang disebut "Akta termansuh" dalam Bab ini, adalah dimansuhkan.

(2) Apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat, atau disifatkan telah dibuat, di bawah Akta termansuh adalah dibatalkan.

Pembubaran Suruhanjaya Dagangan Komoditi. **15.** Suruhanjaya Dagangan Komoditi adalah, pada tarikh mula berkuatkuasa, dibubarkan.

Kakitangan Suruhanjaya Dagangan Komoditi. **16.** (1) Seseorang yang, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, merupakan seorang pekerja Suruhanjaya Dagangan Komoditi boleh, pada tarikh mula berkuatkuasa, membuat pilihan untuk menjadi pekerja Suruhanjaya Sekuriti.

(2) Jika seseorang membuat pilihan sedemikian, Suruhanjaya Sekuriti hendaklah mengambil kerja orang

itu atas terma dan syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai berkenaan dengan orang itu sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa.

17. (1) Apa-apa wang yang terkandung, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, dalam Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang ditubuhkan di bawah subseksyen 13(1) Akta termansuh hendaklah menjadi, pada tarikh mula berkuatkuasa, harta Kerajaan dan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kumpulan
Wang
Suruhanjaya
Dagangan
Komoditi.

(2) Apa-apa harta lain yang terkandung dalam Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa hendaklah menjadi, pada tarikh mula berkuatkuasa, harta Suruhanjaya Sekuriti melainkan jika Menteri mengisytiharkan secara bertulis selainnya.

18. Apa-apa wang yang terkandung, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, dalam Akaun Deposit-Deposit Dagangan Hadapan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 14(1) Akta termansuh hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, dibayar kepada Suruhanjaya Sekuriti dan hendaklah disifatkan telah dibayar di bawah seksyen 103 Akta ibu.

Akaun
Deposit-
Deposit
Dagangan
Hadapan.

19. Apa-apa harta yang dipegang, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, atas amanah oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau Pesuruhjaya menurut suatu perintah di bawah subperenggan 116(1)(iv) Akta termansuh hendaklah menjadi, pada tarikh mula berkuatkuasa, harta Suruhanjaya Sekuriti dan hendaklah dipegang atas amanah tertakluk kepada terma amanah yang mengenainya harta itu dipegang oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau Pesuruhjaya.

Akaun
amanah
Suruhanjaya
Dagangan
Komoditi.

20. (1) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, prosiding yang kepadanya Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau Pesuruhjaya menjadi pihak sedang menunggu penyelesaian di mana-mana mahkamah, Suruhanjaya Sekuriti hendaklah, pada tarikh mula

Prosiding
yang belum
selesai dan
hak yang
ada.

berkuatkuasa, disifatkan telah menggantikan Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau Pesuruhjaya sebagai suatu pihak kepada prosiding itu dan hendaklah mempunyai hak yang sama dalam prosiding itu sebagaimana yang dipunyai oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau Pesuruhjaya.

(2) Sesuatu hak tindakan yang memihak kepada atau terhadap Suruhanjaya Dagangan Komoditi atau Pesuruhjaya yang ada sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan sebagai suatu hak tindakan yang memihak kepada atau terhadap Suruhanjaya Sekuriti.

(3) Sesuatu rayuan yang dibuat kepada Suruhanjaya Dagangan Komoditi di bawah seksyen 46, 73 atau 95 Akta termansuh yang belum diputuskan sebelum tarikh mula berkuatkuasa hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti.

(4) Sesuatu hak rayuan kepada Suruhanjaya Dagangan Komoditi di bawah seksyen 46, 73 atau 95 Akta termansuh yang ada sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan sebagai suatu hak rayuan kepada Suruhanjaya Sekuriti.

(5) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, apa-apa prosiding jenayah sedang menunggu penyelesaian dalam mana-mana mahkamah, prosiding itu hendaklah diteruskan seolah-olah pindaan kepada Akta ini telah tidak dibuat.

Akta 388.

(6) Bagi mengelakkan keraguan, tiada apa-apa jua dalam seksyen ini menyentuh seksyen 30 Akta Tafsiran 1948 dan 1967.

Syarikat
bursa
yang ada.

21. (1) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, sesuatu syarikat telah diluluskan di bawah seksyen 19 Akta termansuh untuk menubuhkan dan mengendalikan suatu bursa komoditi, syarikat itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan sebagai suatu syarikat yang berhubungan dengannya suatu kelulusan di bawah subseksyen 4(1) Akta itu berkuatkuasa.

(2) Jika kelulusan bagi syarikat itu di bawah seksyen 19 Akta termansuh telah diberikan tertakluk kepada syarat, kelulusan yang dikira oleh subseksyen (1) sebagai telah diberikan di bawah subseksyen 4(1) Akta ibu hendaklah disifatkan telah diberikan tertakluk kepada syarat yang sama, setakat yang syarat itu tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ibu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (5), Menteri boleh, tidak kurang daripada satu tahun selepas tarikh mula berkuatkuasa, mengenakan apa-apa terma atau syarat tambahan yang difikirkan patut olehnya ke atas syarikat yang disifatkan oleh subseksyen (1) telah diluluskan sebagai suatu syarikat bursa di bawah subseksyen 4(1) Akta ibu.

(4) Apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) hendaklah disifatkan telah dikenakan di bawah subseksyen 4(4) Akta ibu.

(5) Kuasa yang diberikan oleh subseksyen (3) tidak boleh dijalankan selepas dua tahun dari tarikh mula berkuatkuasa.

22. Anggota Lembaga Pengurusan sesuatu syarikat yang disebut dalam seksyen 21 yang dipilih atau dilantik di bawah subseksyen 22(2) Akta termansuh dan yang memegang jawatan sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa hendaklah terus memegang jawatan itu selama tempoh satu tahun dari tarikh mula berkuatkuasa seolah-olah mereka ialah pengarah yang dipilih atau dilantik dengan sewajarnya di bawah seksyen 5 Akta ibu.

Anggota
Lembaga
Pengurusan
yang
ada bagi
syarikat
bursa.

23. (1) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, sesuatu syarikat ialah suatu pusat penjelasan mengikut pengertian Akta termansuh, syarikat itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah diluluskan sebagai suatu pusat penjelasan di bawah subseksyen 6B(1) Akta ibu.

Pusat
penjelasan
yang ada.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), Menteri boleh, tidak kurang daripada satu tahun selepas tarikh mula berkuatkuasa, mengenakan apa-apa terma atau syarat yang difikirkan patut olehnya ke atas sesuatu syarikat yang disifatkan oleh subseksyen (1) telah diluluskan sebagai suatu pusat penjelasan di bawah subseksyen 6B(1) Akta ibu.

(3) Apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai suatu syarat kelulusan bagi maksud seksyen 7A Akta ibu.

(4) Kuasa yang diberikan oleh subseksyen (2) tidak boleh dijalankan selepas dua tahun dari tarikh mula berkuatkuasa.

Pengarah yang ada bagi pusat penjelasan.

24. Pengarah sesuatu pusat penjelasan yang disebut dalam seksyen 23 yang memegang jawatan sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa hendaklah terus memegang jawatan selama tempoh satu tahun dari tarikh mula berkuatkuasa seolah-olah mereka ialah pengarah yang dipilih atau dilantik dengan sewajarnya di bawah seksyen 6c Akta ibu.

Pindaan yang belum selesai kepada perlembagaan atau kaedah-kaedah perniagaan bagi syarikat bursa atau pusat penjelasan.

25. Jika, sebelum tarikh mula berkuatkuasa—

(a) sesuatu syarikat yang adalah—

- (i) suatu syarikat bursa; atau
- (ii) suatu pusat penjelasan,

mengikut pengertian Akta termansuh telah mengemukakan kepada Suruhanjaya Dagangan Komoditi apa-apa pindaan kepada perlembagaan, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturannya di bawah seksyen 20 Akta termansuh; dan

(b) Suruhanjaya Dagangan Komoditi belum memberitahu syarikat itu di bawah subseksyen 20(3) Akta termansuh mengenai kelulusannya atau keengganannya untuk meluluskan pindaan sedemikian,

pengemukaan itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti—

- (aa) dalam hal sesuatu syarikat yang adalah suatu syarikat bursa mengikut pengertian Akta termansuh, oleh suatu syarikat bursa di bawah seksyen 6 Akta ibu; dan
- (bb) dalam hal sesuatu syarikat yang adalah suatu pusat penjelasan mengikut pengertian Akta termansuh, oleh suatu pusat penjelasan di bawah seksyen 60 Akta ibu.

26. Sesuatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen 26(1) Akta termansuh, atau sesuatu notis yang diberikan di bawah subseksyen 26(2) Akta termansuh, yang berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sewajarnya di bawah seksyen 8 Akta ibu dan seksyen itu hendaklah terpakai berkenaan dengan arahan atau notis itu selepas tarikh mula berkuatkuasa.

Arahan yang ada di bawah Akta termansuh yang menggantung perdagangan.

27. Sesuatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen 27(1) Akta termansuh yang berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa hendaklah dianggap telah diberikan dengan sewajarnya di bawah subseksyen 9(1) Akta ibu dan subseksyen 9(1) itu hendaklah terpakai berkenaan dengan arahan itu.

Arahan darurat yang ada di bawah Akta termansuh.

28. Tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi di bawah seksyen 28 Akta termansuh hendaklah, jika ia telah berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah diambil dengan sewajarnya oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 10 Akta ibu dan seksyen 10 itu hendaklah terpakai berkenaan dengan arahan itu.

Tindakan yang ada terhadap syarikat bursa, pusat penjelasan, dll. oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi.

29. Jika Suruhanjaya Dagangan Komoditi telah membuat syor kepada Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perusahaan utama mengikut pengertian seksyen 29 Akta termansuh dan Menteri itu

Syor yang ada oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi.

belum, sebelum tarikh mula berkuatkuasa, bertindak atas syor itu, syor itu hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sewajarnya oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 11 Akta ibu kepada Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan dan Menteri itu boleh bertindak atas syor itu.

Orang
berdaftar
yang ada.

30. (1) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, seseorang telah didaftarkan sebagai peniaga di bawah seksyen 33 Akta termansuh, orang itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah diberi—

(a) dalam hal sesuatu perbadanan, suatu lesen broker niaga hadapan; dan

(b) dalam hal seseorang individu, suatu lesen wakil broker niaga hadapan,

di bawah subseksyen 22(1) Akta ibu.

(2) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, seseorang telah didaftarkan sebagai penasihat dagangan komoditi di bawah seksyen 34 Akta termansuh, orang itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah diberi lesen penasihat perdagangan niaga hadapan di bawah subseksyen 22(1) Akta ibu.

(3) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, seseorang telah didaftarkan sebagai wakil peniaga di bawah seksyen 35 Akta termansuh, orang itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah diberi lesen wakil broker niaga hadapan di bawah subseksyen 22(1) Akta ibu.

(4) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, seseorang telah didaftarkan sebagai wakil penasihat dagangan komoditi di bawah seksyen 36 Akta termansuh, orang itu hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah diberi lesen wakil penasihat perdagangan niaga hadapan di bawah subseksyen 22(1) Akta ibu.

(5) Jika sesuatu pendaftaran di bawah Akta termansuh telah dijadikan tertakluk kepada syarat, lesen yang dikira telah diberikan oleh seksyen ini berkenaan dengan pendaftaran itu hendaklah disifatkan telah diberikan tertakluk kepada syarat yang sama setakat yang syarat itu tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ibu.

31. Sesuatu permohonan yang dibuat dengan sewajarnya kepada Pesuruhjaya bagi pembaharuan pendaftaran di bawah subseksyen 41(1) Akta termansuh yang belum diuruskan sebelum tarikh mula berkuatkuasa hendaklah disifatkan telah dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 25 Akta ibu.

Permohonan yang belum selesai bagi pembaharuan pendaftaran.

32. Jika, sebelum tarikh mula berkuatkuasa, sesuatu siasatan telah dijalankan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 44 Akta termansuh tetapi siasatan itu belum selesai sebelum tarikh mula berkuatkuasa, siasatan itu boleh diselesaikan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 28 Akta ibu.

Siasatan yang belum selesai.

33. (1) Jika, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, pendaftaran seseorang orang berdaftar yang disifatkan oleh seksyen 30 telah diberi suatu lesen telah digantung, penggantungan itu hendaklah terus berjalan selepas tarikh mula berkuatkuasa—

Pendaftaran yang digantung.

(a) dalam hal sesuatu penggantungan di bawah seksyen 43 Akta termansuh, sehingga hak orang itu untuk berdagang dalam kontrak niaga hadapan di pasaran niaga hadapan sesuatu syarikat bursa, mengikut pengertian Akta ibu yang orang itu menjadi gabungannya dipulihkan oleh syarikat bursa itu; dan

(b) dalam hal sesuatu penggantungan menurut seksyen 44 Akta termansuh, bagi suatu masa, atau sehingga berlaku sesuatu kejadian, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Pesuruhjaya di bawah perenggan 44(2)(b) Akta termansuh.

(2) Hakikat bahawa pendaftaran orang berdaftar itu telah, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, digantung hendaklah disifatkan bagi maksud seksyen 28 Akta ibu sebagai suatu pengatahan bahawa orang itu bukan lagi seorang yang layak dan sesuai sebagaimana yang disebut dalam perenggan 28(1)(b) Akta itu.

Akaun terasing klien.

34. Segala wang atau harta lain yang terkandung, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, dalam suatu akaun terasing yang ditubuhkan dan disimpan oleh seseorang peniaga di bawah seksyen 53 Akta termansuh, hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah didepositkan di bawah seksyen 52A Akta ibu.

Pengecualian terhadap daripada tugas mengeluarkan nota kontrak dan memberi penyata.

35. (1) Seksyen 49 dan 51 Akta ibu tidaklah terpakai bagi seseorang yang, pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan oleh subseksyen 31(1) Akta ini telah diberi lesen broker niaga hadapan.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terhenti mempunyai kuatkuasa enam bulan selepas tarikh mula berkuatkuasa.

Juruaudit yang dilantik di bawah Akta termansuh.

36. Seseorang yang telah dilantik sebagai seorang juruaudit oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 59 atau 60 Akta termansuh hendaklah, jika pelantikan itu masih berkuatkuasa pada tarikh mula berkuatkuasa, disifatkan telah dilantik sebagai seorang juruaudit oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 40 Akta ibu.

Kumpulan wang pampasan.

37. (1) Sesuatu syarikat bursa yang, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasa, menyenggarakan suatu kumpulan wang pampasan di bawah seksyen 80 Akta termansuh hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa, menyenggarakan kumpulan wang itu sebagai suatu tabung kesetiaan di bawah seksyen 58 Akta ibu.

(2) Walau apa pun Bahagian VI Akta ibu jika sesuatu hak untuk membuat tuntutan terhadap kumpulan wang pampasan itu berbangkit sebelum tarikh mula berkuatkuasa, dan tuntutan itu belum dibereskan sebelum tarikh itu, syarikat itu hendaklah, selepas tarikh mula berkuatkuasa—

(a) mendengar dan menentukan tuntutan itu; dan

- (b) menggunakan tabung kesetiiaannya berkenaan dengan tuntutan itu,

mengikut Akta termansuh seolah-olah pindaan yang dibuat oleh Akta ini telah tidak dibuat.

(3) Jika sesuatu tuntutan dibuat selepas tarikh mula berkuatkuasa berkenaan dengan sesuatu hak untuk membuat tuntutan terhadap kumpulan wang pampasan yang berbangkit sebelum tarikh mula berkuatkuasa, Suruhanjaya Sekuriti—

- (a) hendaklah menggantikan, bagi maksud subseksyen (2), Suruhanjaya Dagangan Komoditi dalam Bahagian IX Akta termansuh; dan

- (b) hendaklah mempunyai segala kuasa yang, jika tidak kerana Akta ini, dipunyai oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi di bawah Bahagian itu berkenaan dengan tuntutan itu, termasuk kuasa untuk mendengar rayuan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan untuk memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985.

2. *Fasal 1* memperkatakan perkara permulaan, termasuk kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 untuk meluaskan ruang lingkup fungsi Suruhanjaya Sekuriti sehingga merangkumi kontrak niaga hadapan komoditi, berbangkit daripada pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993—

- (a) untuk memotong takrif "kontrak niaga hadapan komoditi", berbangkit daripada pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985;

- (b) untuk meminda takrif "suratcara" bagi maksud penjelasan supaya rujukan jelas dibuat kepada komoditi; dan
- (c) untuk meminda takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" berbangkit daripada perubahan terbaru kepada Akta Syarikat 1965 yang mengecualikan daripada kepentingan di bawah Penggal 5 Bahagian IV Akta itu kepentingan penyertaan dalam skim amanah saham.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang menghendaki Suruhanjaya Sekuriti berunding dengan Menteri Perusahaan Utama sebelum meluluskan perubahan kepada kaedah-kaedah perniagaan syarikat bursa yang bertujuan memasukkan kontrak niaga hadapan berasaskan komoditi.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 bagi maksud penjelasan dan keseragaman dengan seksyen 16 dan 16A yang ada.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IIIA ke dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 untuk memberi klien bagi orang tengah yang menjalankan perniagaan yang melanggar kehendak pelesenan di bawah Akta itu hak untuk membatalkan perjanjian yang dibuat dengan orang tengah itu. Jika pembatalan perjanjian itu akan menjejaskan hak pihak ketiga yang *bona fide*, mahkamah diberi kuasa untuk membuat perubahan kepada perjanjian itu.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 48A ke dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 untuk mengawalselia iklan berhubung dengan kontrak niaga hadapan, perniagaan pembrokeran niaga hadapan, perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan dan perniagaan nasihat niaga hadapan.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 bagi maksud penjelasan.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 55A ke dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang membenarkan Suruhanjaya Sekuriti menetapkan had kena lapor yang terpakai bagi mana-mana kelas kontrak niaga hadapan, atau mana-mana kombinasi kelas itu.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 102 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 untuk membenarkan peniaga komoditi yang ada terus berdagang dalam kontrak niaga hadapan komoditi di bursa luar negeri yang telah ditentukan atau dikira telah ditentukan sebagai Bursa Ditentukan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985, dan untuk memasukkan kawalan pengawalseliaan tambahan ke atas aktiviti-aktiviti broker niaga hadapan di Bursa Ditentukan.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda kesilapan cetak dalam teks bahasa Inggeris seksyen 105 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk memotong seksyen 108 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 berbangkit daripada pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985.
14. *Fasal 13* membuat peruntukan bagi tafsiran untuk *fasal 14* hingga *37* yang berupa peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.
15. *Fasal 14* bertujuan untuk memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985, dan membatalkan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat, atau yang disifatkan sebagai telah dibuat, di bawah Akta itu.
16. *Fasal 15* bertujuan untuk membubarkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi.
17. *Fasal 16* bertujuan untuk memastikan bahawa kakitangan Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang ada mempunyai pilihan untuk diambil kerja oleh Suruhanjaya Sekuriti apabila Suruhanjaya Dagangan Komoditi dibubarkan dan untuk membuat peruntukan bahawa terma-terma pekerjaan mereka dengan Suruhanjaya Sekuriti adalah atas asas yang tidak kurang baiknya.
18. *Fasal 17* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa apa-apa wang yang terkandung dalam Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi dikembalikan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, dan untuk membuat peruntukan bahawa segala aset lain Suruhanjaya Dagangan Komoditi diletakhakkan pada Suruhanjaya Sekuriti, melainkan jika Menteri mengisytiharkan selainnya.
19. *Fasal 18* bertujuan untuk membuat peruntukan bahawa wang yang telah didepositkan dengan Kumpulan Wang Suruhanjaya Dagangan Komoditi oleh peniaga komoditi yang ingin berdagang di Bursa Ditentukan hendaklah dianggap pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan, sebagai wang yang telah didepositkan dengan Suruhanjaya Sekuriti di bawah peruntukan yang bersamaan dalam seksyen 103 Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
20. *Fasal 19* bertujuan untuk menganggap harta yang dipegang sebagai amanah oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi sebagai, pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini, sebagai harta yang dipegang atas amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti tertakluk kepada terma-terma yang sama seperti amanah asal.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk menggantikan Suruhanjaya Dagangan Komoditi dengan Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan prosiding mahkamah yang belum selesai, hak tindakan dan rayuan yang berhubungan dengan perkara yang telah berbangkit sebelum pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985.
22. *Fasal 21* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi penerusan Kuala Lumpur Commodity Exchange Berhad yang ditubuhkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai suatu syarikat bursa di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
23. *Fasal 22* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi penerusan pengurusan yang ada bagi Kuala Lumpur Commodity Exchange Berhad selama satu tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan, dan selepas masa itu, suatu lembaga pengarah yang mematuhi Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 akan ditubuhkan.
24. *Fasal 23* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi kelulusan automatik Malaysian Futures Clearing Corporation Berhad yang ditubuhkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai suatu pusat penjelasan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
25. *Fasal 24* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi penerusan pengurusan yang ada bagi Malaysian Futures Clearing Corporation Berhad selama satu tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan, dan selepas masa itu, suatu lembaga pengarah yang mengikut Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 akan ditubuhkan.
26. *Fasal 25* memperkatakan perubahan kepada perlembagaan atau kaedah-kaedah perniagaan sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan yang belum diuruskan oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi sebelum pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985.
27. *Fasal 26* memperkatakan apa-apa arahan yang menggantung perdagangan yang diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 26 Akta Dagangan Komoditi 1985 yang masih berkuatkuasa pada masa pemansuhan Akta itu.
28. *Fasal 27* memperkatakan apa-apa arahan darurat yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 27 Akta Dagangan Komoditi 1985 yang masih berkuatkuasa pada masa pemansuhan Akta itu.
29. *Fasal 28* memperkatakan apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi di bawah seksyen 28 Akta Dagangan Komoditi 1985 yang masih berkuatkuasa pada masa pemansuhan Akta itu.

30. *Fasal 29* memperkatakan syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi kepada Menteri yang belum diambil tindakan oleh Menteri pada masa pemansuhan Akta itu,
31. *Fasal 30* bertujuan untuk melesenkan secara automatik—
- (a) syarikat yang merupakan peniaga di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai broker niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
 - (b) individu yang merupakan peniaga di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai wakil broker niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
 - (c) penasihat perdagangan komoditi di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai penasihat perdagangan niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
 - (d) wakil peniaga di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai wakil broker niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993; dan
 - (e) wakil penasihat perdagangan komoditi di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 sebagai wakil penasihat perdagangan niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
32. *Fasal 31* memperkatakan permohonan bagi pembaharuan pendaftaran yang belum diuruskan sebelum pemansuhan Akta Dagangan Komoditi 1985.
33. *Fasal 32* bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya Sekuriti meneruskan siasatan terhadap seseorang orang berdaftar yang telah dimulakan di bawah seksyen 44 Akta Dagangan Komoditi 1985 tetapi belum diselesaikan pada masa pemansuhan Akta itu.
34. *Fasal 33* bertujuan untuk membuat peruntukan bagi penerusan penggantungan sesuatu lesen yang dianggap telah diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 berkenaan dengan sesuatu pendaftaran di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 yang sedang digantung pada masa pemansuhan Akta itu.
35. *Fasal 34* bertujuan untuk menganggap wang dan harta lain yang telah disimpan mengikut seksyen 53 Akta Dagangan Komoditi 1985 dalam akaun terasing sebagai wang atau harta lain yang telah didepositkan dalam akaun terasing klien mengikut seksyen 52A Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
36. *Fasal 35* bertujuan untuk mengecualikan, selama tempoh 6 bulan, peniaga komoditi yang disifatkan telah diberi *melalui fasal 31* lesen broker niaga hadapan daripada kewajipan mengeluarkan nota kontrak

dan penyata mengikut bentuk dan cara yang dikehendaki oleh Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 kerana perbezaan antara kehendak Akta itu dengan Akta Dagangan Komoditi 1985 berhubungan dengan kandungan dokumen ini boleh membawa kepada pelanggaran yang tidak diniatkan terhadap Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

37. *Fasal 36* bertujuan untuk mengganggu juruaudit yang pelantikannya di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 masih berkuatkuasa pada masa pemansuhan Akta itu sebagai juruaudit yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

38. *Fasal 37* bertujuan untuk memastikan bahawa sesuatu syarikat bursa yang telah menyenggarakan suatu kumpulan wang pampasan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 menyenggara kumpulan wang itu selepas pemansuhan Akta itu sebagai tabung kesetiaan mengikut Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, dan untuk membuat peruntukan bagi pemakaian berterusan peruntukan-peruntukan Akta Dagangan Komoditi 1985 berkenaan dengan sesuatu hak untuk membuat tuntutan terhadap kumpulan wang itu yang telah berbangkit sebelum pemansuhan Akta itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1972.]